

## **Sesi Perbincangan Pelan Induk Pembangunan Wanita Sabah di Daerah Tawau dan Sandakan**

**Kota Kinabalu** (Isnin) — Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah dan Institut Kajian Pembangunan (Sabah), IDS akan menganjurkan bersama sesi perbincangan *Pelan Induk 10 Tahun Pembangunan Wanita Sabah* di Tawau dan Sandakan pada minggu ini. Sesi perbincangan daerah Tawau akan di adakan di Dewan Persidangan Majlis Perbandaran Tawau pada hari Rabu 26 Mac manakala di Sandakan sesi perbincangan akan di adakan di Dewan Persidangan Majlis Perbandaran Sandakan pada hari Jumaat 28 Mac.

“Sesi Perbincangan ini adalah merupakan sebahagian daripada metodologi kajian dalam penyediaan Pelan Induk Wanita Sabah,” kata wakil penganjur.

“Terdapat lapan komponen utama yang akan dibincangkan dalam sesi perbincangan ini. Komponen-komponen tersebut adalah kesihatan, pendidikan, undang-undang, ekonomi, sosial, kepekaan gender, media dan penglibatan wanita dalam membuat keputusan,” kata wakil tersebut.

Menurut wakil tersebut hasil daripada sesi perbincangan ini adalah penting dalam penyediaan pelan induk wanita. Beliau berkata perlu memastikan pelan yang akan dibuat selaras dengan pembangunan negara khususnya bagi negeri Sabah.

“Pada dasarnya, matlamat utama kajian pelan pembangunan induk ini adalah untuk mengintegrasikan wanita Sabah dalam proses pembangunan, dan menjamin perkongsian saksama dalam memperolehi kemudahan sumber, maklumat, peluang penyertaan dan manfaat pembangunan.” kata beliau lagi.

Mereka yang berminat untuk menyertai sesi perbincangan ini boleh menghubungi cik Jennifer Abd. Hamid atau Puan Sharlyna Grace Sebastian di talian telefon 088-246166.

###